

121 Pelajar Sains Sukan UMS Sertai Pameran Poster dan Inovasi

Terakhir dikemaskini: Rabu, 15 Mei 2019 10:30 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 179

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 15 MEI - Pelajar Tahun 2 Program Sains Sukan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program pameran Poster dan Inovasi (Sees) kali ke-7 di fakulti itu, baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan FPP, pameran itu yang bertemakan "*Creativity and Innovation Leads to Higher Level of Thinking*" antara lain bertujuan memberi peluang kepada para pelajar yang mengambil program Sains Sukan membentangkan hasil kerja kursus yang berbentuk penyelidikan dan inovasi.

"Pameran ini telah menarik 121 penyertaan yang terbahagi kepada lima kategori iaitu kategori Analisis Kemahiran (Kinematik) seramai 34 pelajar, kategori Analisis

Pertandingan 34 pelajar, Identifikasi dan Perkembangan Bakat seramai 74 pelajar.

"Penyertaan itu juga menyaksikan lima peserta jemputan daripada pelajar sarjana dan lapan pelajar tahun akhir yang berada di bawah penyeliaan pensyarah Sains Sukan FPP UMS, Dr. Pathmanathan Suppiah K. Suppiah," demikian menurut kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan itu, program tersebut juga sekali gus menerapkan tatacara penyelidikan dan penyelesaian masalah berdasarkan pemikiran saintifik yang diharap dapat membuka minda pelajar dalam menghasilkan kreativiti dan kesenian serta menerapkan pemikiran kritis.

Dalam masa sama, ia juga diharap dapat menjadi medium terbaik dalam mewujudkan siswa-siswi kelas pertama dengan cetusan idea-idea bernalas yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri sukan di Malaysia.

Majlis perasmianya disempurnakan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPP, Dr. Denis Andrew D. Lajium.

Hadir sama, Dr. Pathmanathan selaku Penasihat Program Pameran Poster Sees kali ke-7.